AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Empat kluster baharu dikesan semalam dengan 1,075 kes baharu direkodkan

# 11 lagi kematian akibat Covid-19

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kes kematian baharu Covid-19 semalam mencatatkan 11 kes sekali gus kedua tertinggi dilaporkan sejak pandemik Covid-19, menjadikan jumlah kes kematian terkini sebanyak 376 kes.

Ia dilaporkan di Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Putrajaya, Sabah, Johor dan Kelantan membabitkan tujuh wanita dan empat lelaki berusia antara 50 hingga 81 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit.

Pada masa sama, kes harian pula kembali kepada empat digit dengan 1,075 kes dilaporkan sekali gus jumlah kes positif di seluruh negara kini mencecah 69,095 kes.

Berdasarkan pecahan, sebanyak 508 kes atau 47.3 peratus disumbangkan oleh negeri-negeri di Lembah Klang dengan Selangor melaporkan sebanyak 459 kes atau 90.4 peratus.

Jumlah pelaporan kes harian kedua tertinggi pula dicatatkan Sabah iaitu sebanyak 310 kes atau 28.8 peratus diikuti Johor sebanyak 78 kes atau 7.3 peratus.

Sebanyak 48 kes atau 4.5 peratus pula membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (41 kes), Kluster Tembok dan Kluster Matambai (masing-masing tiga kes) dan Kluster Bakti (satu kes).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 43 kluster merekodkan pertambahan kes semalam dengan tiga daripadanya melaporkan kes baharu tertinggi iaitu Kluster Usaha (84 kes), Kluster Kaya (74 kes) dan Kluster Hentian (60 kes).

Menurutnya, empat kluster baharu dikenal pasti dan satu daripadanya ialah Kluster Monsoon di Petaling, Selangor membabitkan kes indeks saringan individu bergejala dan susulan itu, 19 lagi kes dikesan positif.

"Kluster Jalan Kilang pula di Lahad Datu, Sabah dengan kes awal dalam kluster ini dilaporkan positif bermula 15 November hasil saringan tempat kerja di sebuah kilang dan sehingga hari ini (semalam), sebanyak 24 kes dikesan positif.

"Seterusnya, Kluster Perdana Enam juga di Lahad Datu dengan kes indeks hasil saringan bergejala dan kemudian, sebanyak 25 kes dikenal pasti positif Covid-19," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, satu lagi kluster ialah Kluster Jalan Kubota di Tawau, Sabah iaitu kes indeks saringan bergejala dan berikutan itu, sebanyak 14 lagi kes turut dikesan dalam kluster ini.

Ujarnya, daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan semalam, sebanyak tiga kes import mendapat jangkitan dari luar negara manakala, 1,072 kes adalah penularan tempatan.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, tiga lagi kluster diisytihar tamat iaitu Kluster Bukit, Kluster Tujuh Serangkai dan Kluster Laut menjadikan sebanyak 189 kluster ditamatkan dan sehingga kini, sebanyak 184 kluster masih aktif dan dipantau.



PETUGAS Jabatan Kesihatan Daerah Klang melakukan saringan Covid-19 ke atas seorang penduduk tempatan di Meru 3, Klang kelmarin.

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| • Kes baharu | 1,075 |
| Import: 3 Tempatan: 1,072 | |
| • Pulih | 948 |
| • Kematian | 11 |
| • Masih dirawat | 10,802 |
| • Jumlah kes sembuh | 57,917 |
| • Jumlah Kematian | 376 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **69,095** |